

Awasi kebanjiran rokok seludup

**MUZAFFAR
SYAH MALLOW**



DI KALA ramai pihak sibuk membincangkan isu penjualan dan penggunaan shisha, rokok elektronik (e-rokok) serta yang terbaru vape, para pengguna terutamanya perokok dikejutkan pula dengan kenaikan mendadak harga rokok konvensional sebanyak 40 peratus sehingga mencecah RM17 sekotak.

Kenaikan harga rokok terbabit dilakukan oleh pihak industri yang berkaitan setelah mengambil kira jumlah kenaikan cukai eksais dan kesannya terhadap cukai barangan dan perkhidmatan (GST) serta tekanan kos kewangan yang dihadapi oleh syarikat pengeluaran dan pengedar rokok.

Sudah pasti kenaikan harga rokok terbabit telah mengundang pelbagai reaksi negatif daripada pelbagai pihak terutamanya golongan perokok di negara kita kerana mereka kini terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi memenuhi ketagihan terhadap rokok.

Namun, bagi kebanyakan pihak lain, kenaikan harga rokok dilihat sebagai satu usaha positif pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ketagihan merokok dalam kalangan masyarakat kita buat sekian lama.

Sebarang usaha bagi membendung masyarakat terutamanya golongan muda terjebak dalam ketagihan merokok perlu dilakukan oleh pihak kerajaan serta semua pihak berkaitan supaya budaya menghisap rokok ini dapat dikurangkan serta dihapuskan demi kebaikan semua pihak.

Tidak dapat dinafikan juga, dengan kenaikan harga rokok akan mendedahkan kita kepada satu masalah baru iaitu kebanjiran rokok seludup. Umum sudah mengetahui status rokok serta shisha yang telah diisytiharkan haram oleh pihak Majlis Fatwa Peringkat Kebangsaan. Mengenai status vape pula, masih dalam perbincangan oleh pihak terbabit untuk diketahui status



PENGARAH Kastam Johor, Datuk Rami Johari (tiga dari kanan) menunjukkan hasil rampasan rokok seludup bernilai RM13.55 juta termasuk cukai di Johor Bahru pada 3 November lalu. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

penggunaannya.

Walaupun vape dilihat oleh para perokok tegar sebagai bahan alternatif bagi penggunaan rokok konvensional, pembelian serta penggunaan rokok seludup juga dilihat oleh golongan perokok tegar sebagai salah satu sumber alternatif bagi mengatasi masalah ketagihan merokok mereka.

Pengedaran rokok seludup dalam negara kita bukanlah satu isu yang jarang kita dengar, bahkan sudah lama wujud. Rokok seludup menjadi tarikan terutamanya bagi golongan yang tidak mampu membeli rokok asli yang kini dijual pada harga tinggi.

Rokok seludup selalunya dijual pada harga yang murah dan menjadi tarikan utama golongan perokok tegar kerana diseludup masuk dengan mengelak daripada dikenakan sebarang cukai. Memandangkan produk ini diseludup, tiada pihak bertanggungjawab yang dapat memastikan tahap keselamatan rokok terbabit iaitu kualiti bahan-bahan yang digunakan dalam proses pembuatannya.

Menurut kajian yang pernah

dilakukan oleh agensi kesihatan tempatan, kesan bahan bakar tembakau yang terdapat di dalam rokok seludup biasanya lebih tinggi berbanding rokok biasa. Kandungan kimia beracun di dalam rokok seludup seperti arsenik, kadmium, tar dan nikotin juga lebih tinggi daripada paras dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan, sekali gus mengundang risiko pelbagai jenis penyakit yang berbahaya seperti kanser, jantung, pernafasan kronik, strok, paru-paru dan lain-lain lagi.

Mengetahui bahaya rokok seludup, pihak penguat kuasa seperti pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) aktif melakukan operasi pembanterasan penyeludupan termasuk menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235).

Individu yang didapati memiliki rokok seludup boleh didakwa di bawah Seksyen 135(1)(d) akta berkenaan yang boleh membawa hukuman denda maksimum 20 kali nilai barang atau penjara maksimum tiga tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Walaupun peruntukan undang-undang sudah wujud bagi membendung masalah rokok seludup, malangnya masih ramai yang berani mengambil risiko membeli serta menggunakan rokok seludup terbabit.

Oleh yang demikian, cadangan penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada bagi mengenakan hukuman denda dan penjara lebih berat perlu supaya pihak-pihak yang menjual serta membeli rokok seludup dikenakan tindakan lebih keras.

Aktiviti pemantauan juga perlu dilakukan oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan terhadap mereka yang menjual rokok seludup di kedai-kedai serta pasar raya dalam negara kita.

Pada masa sama, penerangan mengenai bahaya rokok seludup juga perlu dilakukan sepanjang masa bagi mendidik masyarakat berhubung risiko penyakit yang menanti mereka.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).